



KENYATAAN AKHBAR

CIDB LANCAR APLIKASI MOBILE CIDB PERTAMA BANTU INDUSTRI PEMBINAAN

27 Mac, 2014 | Kuala Lumpur : Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini telah melancarkan Aplikasi Mobile CIDB pertama bagi memudahkan penggiat industri pembinaan dalam dan luar negara mendapatkan maklumat pembinaan di Malaysia.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim berkata, dengan adanya Aplikasi Mobile CIDB, penggiat industri serta orang awam tidak perlu lagi bersusah payah ke CIDB untuk mendapatkan maklumat tepat dan sahih berkenaan industri pembinaan terkini.

"Memadai hanya dengan mengakses Aplikasi Mobile CIDB yang boleh dimuat turun (download) secara percuma menerusi Google Play ataupun Apple App Store," katanya ketika berucap melancarkan aplikasi itu hari ini.

Turut hadir dalam majlis pelancaran itu ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Himmat Singh dan Pengurus Besar Kanan Sektor Korporat dan Bisnes, Sariah Abdul Karib.

Antara ciri-ciri Aplikasi Mobile CIDB ini termasuklah menyokong platform iOS atau Android yang banyak digunakan oleh pemilik peranti pintar seperti smart phone ataupun tab dan lebih mudah diakses walau di mana pengguna berada.

Sementara informasi yang dipaparkan dalam Aplikasi Mobile CIDB termasuklah berita terkini industri pembinaan, semakan status permohonan kontraktor, carian kontraktor berdaftar, carian personel binaan, semakan permohonan kad hijau dan senarai acara pembinaan terkini.

Bagi penggiat industri yang ingin mendapatkan maklumat tentang latihan Kad Hijau, ABM, CCD, CPD, PLBK mereka juga boleh mendapatkannya dalam pembangunan fasa pertama ini. Ini termasuklah juga maklumat korporat CIDB.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang aplikasi ini bolehlah berhubung terus ke Bahagian Pengurusan Maklumat CIDB dengan menghubungi talian 03-4047 7000.

-Akhir-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail (noryani@cidb.gov.my)

03-40477027/019-2856867;

Enerda Omar (enerda@cidb.gov.my)

03-40477008/012-6146671

CIDB Malaysia

About CIDB:

The Construction Industry Development Board was established under the Construction Industry Development Act (Act 520) to develop the Capacity and Capability of the Construction Industry Through Enhancement of Quality and Productivity by Placing Great Emphasis on Professionalism, Innovation and Knowledge in the Endeavour to Improve the Quality of Life.